



## "BANTERAS AJARAN SESAT". 1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلَقَدْ أُوحِيَ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكَ لَئِنْ أَشْرَكَتَ لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ ۝١</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	3
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	4
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	5
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	6
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Saya mengingatkan diri saya dan tuan-tuan agar terus menerus menggilap taqwa kepada Allah dengan menambah rasa takut dan gerun jika melanggar titah perintah-Nya disamping meningkatkan ketaatan untuk mendapatkan keampunan dan keredhaan Allah SWT.</p>	7
<p>Dalam detik-detik penumpuan yang sepenuhnya ini serta kesediaan yang tulus, marilah kita menumpukan perhatian terhadap khutbah hari ini yang bertajuk "<b>BANTERAS AJARAN SESAT</b>".</p>	8
<p><b>Hadirin sidang Jumaat sekalian,</b></p> <p>Ajaran sesat adalah merosakkan kehidupan beragama umat Islam tanpa mengira tempat dan masa. Di negeri Selangor terdapat 34 ajaran yang telah difatwakan sesat oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dan diwartakan sejak tahun 1991 sehingga 2016. Dalam 34 ajaran sesat ini terdapat 302 ciri-ciri kesesatan dan penyelewengan yang bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenarnya.</p>	9
<p>Dari 302 ciri-ciri kesesatan ini pecahannya adalah seperti berikut iaitu 182 unsur kesesatan yang berkaitan akidah seperti mengaku Nabi selepas Nabi Muhammad SAW, mendakwa ajaran mereka adalah wahyu dari Allah dan mengkafirkan orang lain yang tidak mengikuti ajaran mereka. Selain itu, 77 ciri kesesatan yang berkaitan syariah, antara kesesatannya ialah tidak wajib menunaikan solat Jumaat dan mengamalkan nikah batin dengan 6 orang perempuan serta mendakwa solat yang dilakukan lima kali sehari hanyalah rekaan para ulama sahaja. Manakala yang berkaitan akhlak pula, terdapat 43 ciri kesesatannya iaitu antaranya mencerca dan memfitnah ulama' dan mencabar kewibawaan Pihak Berkuasa Agama serta membolehkan ahli kumpulan mencuri dan berbohong untuk kepentingan ajaran mereka.</p>	10
<p><b>Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,</b></p> <p>Antara tokoh-tokoh pemimpin dan ulama yang telah mengambil inisiatif menangani</p>	11

<sup>1</sup> AZ-Zumar 39 : 65

<p>ajaran sesat adalah Umar bin Abdul Aziz R.Anhu seorang Khalifah Kerajaan Umayyah dari tahun 99 sehingga 101 hijrah telah berjaya membenteras ajaran sesat di zaman pemerintahannya walaupun memerintah 2 tahun 5 bulan sahaja. Banyak pendekatan yang digunakannya seperti penguatkuasaan undang-undang, penulisan surat kepada gabenor-gabenor khalifah, dialog dan dakwah. Imam al-Ghazali R.Anhu juga yang wafat pada tahun 505 hijrah telah menggunakan pendekatan penulisan buku yang banyak bagi menanganai ajaran sesat pada zaman beliau. Antara bukunya ialah yang bertajuk <b>الْمُنْقِذُ مِنَ الضَّلَالِ</b> (Al-Munqiz Min al-Dalal) iaitu penyelamat dari ajaran sesat yang menerangkan kaedah berhadapan dengan golongan-golongan yang sesat pada zaman beliau.</p>	
<p><b>Hadirin yang dikasihi Allah SWT,</b></p> <p>Ajaran sesat ini sebenarnya telah wujud pada zaman Nabi Muhammmad SAW sehinggalah sekarang. Nabi Muhammad SAW ada menyebut terdapat 72 ajaran sesat sebagaimana Hadis yang diriwayatkan dari Abdullah bin Amru R.Anhuma bahawa Nabi SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;"><b>إِنَّ بَنِي إِسْرَائِيلَ تَفَرَّقَتْ عَلَى ثِنْتَيْنِ وَسَبْعِينَ مِلَّةً وَتَفَتَّرِقُ أُمَّتِي عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ مِلَّةً كُلُّهُمْ فِي النَّارِ إِلَّا مِلَّةً وَاحِدَةً...</b></p>	12
<p><i>"Telah berpecah kaum Bani Israel kepada 72 pegangan manakala umat aku pula berpecah 73 pegangan, semuanya masuk ke dalam neraka (iaitu 72) kecuali satu sahaja..."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat at-Tirmizi).</i></p>	13
<p>Persoalannya siapakah 72 kumpulan sesat yang dimasukkan ke neraka? Dalam kitab Bughyatul Mustarsyidin karangan Mufti Sheikh Syed Abdul Rahman bin Muhammad Ba'lawi menyebut bahawa 72 kumpulan ini adalah berpunca daripada 7 kumpulan ajaran sesat yang besar iaitu Syiah, al-Khawarij, Muktazilah, Murji'ah, Najariah, Jabariah dan Musyabbihah yang wujud sekitar tahun 30 hingga 350 hijrah.</p>	14
<p>Syiah yang mengkafirkan Abu Bakar As-Siddiq dan menyatakan bahawa Saiyidina Ali dengan Allah adalah samataraf telah berpecah kepada 22 kumpulan. Al-Khawarij pula telah berpecah kepada 20 kumpulan sesat. Al-Khawarij berpegang kepada prinsip hukum quran sahaja, sistem khalifah tiada dalam Islam, mengkafirkan Saiyidina Ali dan orang yang melakukan dosa besar dihukumkan kafir. Manakala kumpulan Muktazilah telah berpecah kepada 20 kumpulan ajaran sesat yang berpegang kepada prinsip bahawa akal adalah lebih utama dari al-Quran dan pekerjaan manusia adalah perbuatan manusia sendiri tiada kaitan dengan kekuasaan dan kehendak Allah.</p>	15
<p>Murji'ah pula berpegang kepada prinsip manusia boleh melakukan maksiat dan tidak akan berlaku apa-apa mudharat jika maksiat dilakukan kerana masih ada keimanan kepada Allah. Murji'ah ini telah berpecah kepada 5 kumpulan ajaran sesat. Manakala kumpulan Najariah yang wujud pada tahun 198 Hijrah pula telah berpecah kepada 3 kumpulan ajaran sesat yang menyatakan bahawa orang beriman yang melakukan dosa pasti masuk neraka.</p>	16

<p>Akhir sekali kumpulan Jabariah dan Musyabbihah masing-masing ada satu kumpulan ajaran sesat. Kumpulan Jabariah berpegang kepada prinsip bahawa Allah menentukan segala usaha dan nasib manusia. Jika manusia itu miskin adalah ketentuan Allah. Manusia redha dan terima sahaja tanpa perlu berusaha dan mengubah nasibnya. Manakala kumpulan Musyabbihah pula menyatakan bahawa ada keserupaan Allah dengan manusia umpamanya Allah bertangan, Allah berkaki, Allah duduk atas kerusi dan Allah naik tangga dan turun tangga seperti manusia.</p>	17
<p>Inilah semua ajaran sesat yang berjumlah 72 kumpulan kecil yang berasal daripada 7 kumpulan ajaran sesat yang besar. Oleh itu, jika ada kumpulan ajaran sesat baru walaupun seribu ajaran sesat di zaman sekarang ia adalah berasal dari 72 kumpulan ini yang mempunyai prinsip dan pegangan yang sama. Kesemua 72 kumpulan ini akan ditempatkan ke dalam neraka kecuali Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagaimana hadis daripada Nabi SAW yang diriwayatkan Imam at-Tirmizi yang dibacakan sebelum ini..</p>	18
<p><b>Muslimin yang dikasihi sekalian,</b></p> <p>Oleh itu kita hendaklah sentiasa berwaspada dan jangan terjebak dengan ajaran sesat. Ajaran sesat ini menyerang dengan senyap lagi bahaya. Antara sebab umat Islam mudah terjebak ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jahil dan tidak berilmu. Kejahilan dalam bidang akidah khususnya adalah punca paling utama yang menyebabkan seseorang itu terpengaruh dengan ajaran sesat.</li> </ol>	19
<p>Hadis daripada Abdullah Bin Amru R.Anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">                 إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبِضُ الْعِلْمَ انْتِرَاعًا يَنْتَزِعُهُ مِنَ الْعِبَادِ، وَلَكِنْ يَقْبِضُ الْعِلْمَ بِقَبْضِ الْعُلَمَاءِ، حَتَّى إِذَا لَمْ يُبْقِ عَالِمًا اتَّخَذَ النَّاسُ رُءُوسًا جُهَالًا، فَسُئِلُوا فَأَفْتَوْا بِغَيْرِ عِلْمٍ، فَضَلُّوا وَأَضَلُّوا             </p>	20
<p><i>"Sesungguhnya Allah tidak menghilangkan ilmu secara tiba-tiba, akan tetapi ia berlaku dengan kematian para ulama. Seheinggakan apabila tiada lagi ulama, maka masyarakat melantik orang jahil sebagai pemimpin atau ilmuwan mereka. Apabila mereka ditanya, mereka memberikan jawapan tanpa ilmu, maka mereka itu sesat lagi menyesatkan".</i></p> <p style="text-align: right;">(Riwayat al-Bukhari).</p>	21
<p>Justeru, dapat difahami berdasarkan hadis ini ialah kejahilan dan ketiadaan ilmu adalah faktor terbesar yang menyebabkan seseorang itu tersasar daripada akidah yang sebenar. Kesannya, apa-apa sahaja perkara yang dijenamakan atas nama agama akan diterima dengan baik, sedangkan ia bertentangan dengan syariat Islam yang sebenarnya.</p>	22
<ol style="list-style-type: none"> <li>2. Kesilapan memilih guru. Silap dalam memilih guru juga merupakan faktor terbesar yang menyebabkan tersasar daripada syariat yang sebenarnya. Sepertimana yang dijelaskan oleh Nabi bahawa kemunculan golongan ini yang lebih ditakuti berbanding dajjal.</li> </ol>	23
<p>Abu Dzar al-Ghifari meriwayatkan bahawa suatu hari ia berjalan bersama Nabi menuju ke rumah Baginda SAW. Beliau mendengar Nabi bersabda: "Ada yang aku lebih takut ke atas umatku daripada dajjal." Apabila beliau kkuatir Baginda masuk ke rumahnya, maka aku pun bertanya: "Wahai Rasulullah, apakah yang engkau lebih takut ke atas umatmu selain dajjal?" Kemudian Baginda menjawab: "Ketua-ketua yang menyesatkan".</p>	24

(Riwayat Ahmad).	
<p>3. Mengambil jalan mudah. Kebanyakan pengikut ajaran sesat hari ini mengambil jalan mudah dalam memahami agama. Mereka dengan mudah mengikut pandangan guru mereka sebagai asas pegangan dan amalan mereka. Sebagai contoh mempercayai bahawa guru mereka boleh menebus dosa dengan wang dan ahli-ahli ajaran mendakwa pernah dibawa oleh guru mereka untuk melawat syurga, neraka dan alam mahsyar.</p>	25
<p>4. Jahil dalam Bahasa Arab dan tidak mengetahui ilmu-ilmu hadis. Tidak mengetahui dan memahami Bahasa Arab yang sebenarnya menyebabkan tersalah tafsir perkataan tertentu sehingga terpesong jauh daripada makna yang sebenarnya. Dengan ini mentafsir dan memahami al-Qur'an dan hadith mengikut kehendak hati dan logik akal pemimpin ajaran mereka seperti mendakwa bahawa al-Quran yang ada sekarang hanya tinggal nashaf dan lafaz sahaja serta berpuasa di bulan Ramadhan tidak wajib hanya sekadar memberi sedekah.</p>	26
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Memandangkan bahaya ajaran sesat ini yang berkembang dan menular dalam kalangan masyarakat Islam, maka umat Islam hendaklah mempersiapkan diri supaya terhindar daripada segala jenis perkara yang menjurus kearah kesesatan. Antara langkah yang boleh diambil ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Umat Islam hendaklah berpegang teguh kepada al-Quran dan al-Sunnah sebagaimana pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.</li> <li>2. Umat Islam hendaklah melengkapkan diri dengan kefahaman Islam kerana pengaruh ajaran sesat dapat ditangkis dengan kefahaman Islam yang sebenar melalui proses pembelajaran secara sempurna melalui guru yang diiktiraf.</li> <li>3. Umat Islam hendaklah melaporkan kepada Pihak Berkuasa Agama dengan kadar segera apabila menemui atau mengetahui mana-mana orang Islam yang mengamal atau menyebarkan ajaran-ajaran yang meragukan.</li> <li>4. Umat Islam hendaklah membantu penguatkuasa agama dalam melaksanakan program pemulihan akidah secara menyeluruh melibatkan setiap golongan yang terjebak dengan ajaran sesat.</li> </ol>	27
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُوا إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ</p> <p style="text-align: right;"> الْمُشْرِكِينَ</p>	28
<p><i>"Katakanlah (wahai Muhammad): "Inilah jalanku, Aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan</i></p>	29

bukti yang jelas nyata....	
...Dan Aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah Aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain” (Surah Yusuf : 108).	30
بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	31
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ	32

### KHUTBAH KEDUA.33

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.	34
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.	35
<b>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</b>	36
Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa...	37
...Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan...	38
...keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.	39
Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:	40
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.	

<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	41
<p>اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَالْكَفْرَ وَالْكَافِرِينَ، وَالتَّفَاقَ وَالْمُنَافِقِينَ، وَالْيَهُودَ فِي فَلَسْطِينَ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي بОРМА، وَفِي فَلَسْطِينَ وَفِي سُورِيَا وَفِي كُلِّ مَكَانٍ.</p>	42
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِينِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُورِ،</p>	43
<p>سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُوَلِّيَ عَهْدِ سَلَغُورِ، تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج</p>	44
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	45
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat,...</p>	46
<p>...sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan...</p>	47
<p>...dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini. Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan...</p>	48
<p>...pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia,...</p>	49
<p>...satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana...</p>	50
<p>...dan peliharalah kami daripada ajaran sesat seperti Syiah, Qadyani, dan lain-lain ajaran yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan...</p>	51

...pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, ...	52
... mewakaf dan menginfaqqan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.	53
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ اللَّهِ،	54
إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾	55
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	56